

25 JAN 2002

KEMENTERIAN LUAR BELUM DIMAKLUMKAN MENGENAI KUNJUNGAN HAMZAH HAZ

KUALA TERENGGANU, 25 Jan (Bernama) -- Kementerian Luar masih belum dimaklumkan mengenai cadangan Naib Presiden Indonesia Hamzah Haz untuk berkunjung ke negara ini dan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan isu tenaga kerja republik itu.

Menterinya Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata kerajaan menyambut baik cadangan Naib Presiden itu dan bersedia mengatur kunjungan itu mengikut saluran yang biasa digunakan.

"Mereka nak lawat Malaysia kita boleh mengatur mengikut saluran-saluran biasa kita lakukan dan perkara-perkara yang nak mereka bincang dengan kepimpinan kita," katanya kepada pemberita selepas menerima borang permohonan keanggotaan Umno daripada 176 anggota PAS di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Umum Gabungan Pekerja Merdeka Indonesia Jumhur Hidayat bahawa Hamzah Haz sedang menimbang cadangan untuk mengunjungi Malaysia berikutan tindakan ganas pekerja Indonesia di negara ini sejak kebelakangan ini.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata keputusan Malaysia berhubung kedudukan rakyat Indonesia yang membuat kacau di negara ini adalah muktamad dengan mereka yang terbabit dihantar pulang atau dikenakan tindakan mahkamah sebelum dihantar pulang.

Katanya Malaysia sudah mempunyai pekerja Indonesia yang jumlahnya agak ramai dan oleh itu kerajaan memutuskan untuk mempelbagaikan sumber tenaga manusia dari negara lain.

-- BERNAMA

MRA RHM